

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH : 18 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah berkesannya kursus pra-perkahwinan SMARTSTART dalam membantu pasangan baharu kekal bahagia sebagai sebuah keluarga dan apakah hasil penilaian semula yang diterima untuk penambahbaikan ke atas modul ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan pengetahuan kumpulan sasaran menerusi program pendidikan dan khidmat sokongan kekeluargaan.

Kursus pra perkahwinan SMARTSTART adalah salah satu program pengukuhan institusi keluarga khusus kepada pasangan yang bakal berkahwin dan mereka yang telah mendirikan rumah tangga dalam tempoh lima (5) tahun. Kursus yang dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan-badan agama, mulai tahun 2011 hingga Ogos 2021, telah mencatatkan sebanyak 697 program yang memanfaatkan seramai 28,083 peserta.

Kursus ini bermatlamat untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta tentang persediaan ke arah perkahwinan. Hasil daripada kursus ini akan dapat membantu para pasangan suami isteri untuk membentuk keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan.

LPPKN telah melaksanakan satu kajian impak penilaian Kursus Praperkahwinan SMARTSTART pada tahun 2013. Penilaian tersebut melibatkan 234 responden yang pernah menghadiri kursus dan dapatan penilaian mendapati terdapat penambahan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran melebihi 91% hasil menghadiri kursus ini.

Berdasarkan hasil tersebut juga, Modul SMARTSTART telah ditambah baik berdasarkan kepada isu-isu semasa, antaranya kaedah mengenal personaliti diri dan pasangan, komunikasi berkesan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kemesraan, daya tarikan serta membina komitmen dalam hubungan perkahwinan, pengurusan konflik dan pengurusan kewangan bagi persediaan majlis perkahwinan.

Untuk menambah baik modul SMARTSTART sedia ada, LPPKN juga membangunkan modul SMARTSTART 2.0 yang terbahagi kepada 3 fasa atau peringkat perkahwinan iaitu fasa pra perkahwinan, fasa Romantika (usia perkahwinan 1-2 tahun) dan fasa Bulan Madu Kali Ke-2 (usia perkahwinan 3-5 tahun).

Fasa Pra Perkahwinan (sebelum berkahwin) bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta tentang persediaan ke arah perkahwinan Modul fasa ini ditambah baik dengan mengambil kira elemen baru seperti berikut:

- (i) **Ujian Personaliti (*Big Five Inventory*)** merupakan senarai semak untuk mengukur personaliti individu bagi mengenali personaliti diri dan pasangan yang boleh membantu pasangan memahami dan menerima kelebihan dan kekurangan masing-masing.
- (ii) **Maklumat berkaitan Perundangan Keluarga** iaitu Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994 dan Pendaftaran Perkahwinan di Bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*], (Akta dan prosedur perkahwinan dan Tribunal Perkahwinan), Input Prosedur Perkahwinan Islam dan input berkaitan Pengurusan sumber kewangan keluarga
- (iii) Maklumat **Diet sihat** iaitu berkaitan pemakanan sihat untuk keluarga, kepentingan makanan berkhasiat untuk suami dan Isteri konsep serta kepentingan 1,000 hari pertama kehidupan untuk menjamin kesihatan anak
- (iv) Maklumat **Amaran Siber** iaitu mengetahui risiko, ancaman dan langkah pencegahan semasa menggunakan internet atau berada dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATO' SERI
MOHD RADZI BIN TAN SRI SHEIKH
AHMAD**

TARIKH : 18 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan kos bantuan makan dan minum sebanyak RM8.00 sehari kepada anak-anak yatim, OKU dan orang tua di pusat jagaan mereka yang tidak lebih daripada 120 orang. Ini memandangkan bahawa kos yang sama kepada beribu-ribu banduan di dalam penjara dan pusat tahanan mendapat kos perbelanjaan makan dan minum bernilai hampir dua kali ganda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai sokongan kepada usaha untuk melengkapi dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kerajaan melalui KPWKM menyediakan bantuan kewangan kepada PSK termasuk kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke PSK.

Walau bagaimanapun, kelulusan bantuan kewangan yang dipertimbangkan turut mengambil kira kemampuan kewangan PSK dari segi jumlah aset semasa, pendapatan dan perbelanjaan PSK tersebut. Ini adalah selaras dengan prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan PSK.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai menyokong usaha Kerajaan, PSK juga diharap dapat mengambil inisiatif untuk mendapatkan dana lain bagi menampung kos pengurusan pusat jagaan demi kesejahteraan penghuni. Ini adalah selaras dengan prinsip kerjasama strategik yang dijalinkan.

Sokongan daripada NGO, korporat dan syarikat swasta amat digalakkan dalam menyalurkan bantuan kepada NGO yang bekerperluan agar dapat membantu mengurangkan beban tanggungan kumpulan sasar. Kesedaran bahawa tanggungjawab kebajikan adalah bersama juga perlu perlu diuar-uarkan bagi mewujudkan kesedaran masyarakat khususnya PSK dan korporat dalam membantu PSK yang memerlukan bantuan.

SOALAN NO. : 11

Untuk makluman jumlah permohonan yang diterima oleh PSK adalah tinggi. Mengikut statistik tahun 2021 sebanyak 305 buah PSK telah memohon bantuan kewangan berbanding 205 buah PSK yang diluluskan permohonan bantuan kewangan.

Mengenai isu kenaikan kadar bantuan makan dan minum pusat jagaan, Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh PSK serta bersedia mengkajinya mengikut keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' JUHANIS BINTI
ABD AZIZ**

TARIKH : 18 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status bantuan ibu tunggal setakat ini dan berapakah program bantuan program yang diberikan kepada ibu-ibu tunggal skim yang telah terlaksana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat prihatin dan komited untuk menjaga kebajikan wanita terutamanya wanita B40 termasuklah mereka yang bergelar ibu tunggal dan ketua isi rumah wanita yang terkesan dari segi sosial dan ekonomi akibat pandemik COVID-19. Melalui inisiatif PENJANA pada tahun 2020, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM45 juta iaitu bayaran tunai sebanyak RM300 seorang secara one-off kepada 150,000 ibu tunggal dan telah selesai diagihkan kepada yang layak.

Selain Bantuan Khas Ibu Tunggal, pihak Kementerian dengan kolaborasi pelbagai pihak turut menyediakan pelbagai program pembangunan kapasiti serta penyediaan ruang dan peluang supaya wanita-wanita ini dapat menjana pendapatan bagi memperbaiki taraf hidup mereka. Program-program berkenaan termasuklah:

(i) Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan program penjanaan pendapatan wanita melalui keusahawanan menerusi program kolaborasi strategik KPWKM dan MEDAC seperti berikut:

- a. TEKUN: Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita;
- b. Perbadanan Nasional (PNS): Sebuah program keusahawanan berkonsepkan Francais;
- c. INSKEN: Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC)

(ii) Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)

- a. Sehingga 30 September 2021, sebanyak 13 Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita telah dilaksanakan, melibatkan 189 majikan dengan 16,751 tawaran pekerjaan dengan penyertaan sebanyak 6,311 peserta.

- b. PERKESO turut melaksanakan pelbagai program perkhidmatan pekerjaan yang membantu 171,856 wanita Kembali Bekerja ataupun Bermula Bekerja sejak penularan wabak COVID 19 hingga kini.

(iii) Program Bantuan MyKasih Kapital:

- a. Satu inisiatif di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN);
- b. Merupakan bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberi khusus kepada golongan wanita pencari nafkah yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga; dan
- c. Sehingga Ogos 2021, seramai 18 ribu peserta telah menerima insentif ini melibatkan peruntukan sebanyak RM13.5 juta.

(iv) Program Pembangunan Klien Produktif 2 Tahun (2 Years Exit Programme, 2YEP)

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Pelan Transformasi JKM telah memberi fokus dan penekanan kepada usaha ke arah pendayaupayaan klien khususnya penerima bantuan melalui pelaksanaan kebajikan produktif dan Program Pembangunan Klien Produktif 2 Tahun (2YEP) dibangunkan.
- b. Pendekatan Kebajikan Produktif yang mula diperkenalkan pada 2010 adalah satu bentuk usaha yang menasaskan penerima bantuan kebajikan supaya dapat terus hidup berdikari melalui pembelajaran pelbagai kemahiran kehidupan (*survival skills*) agar tidak selamanya bergantung kepada bantuan kerajaan buat selama-lamanya. Pendekatan ini sangat menekankan kepada pemerkasaan klien agar lebih bermotivasi memperolehi latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keupayaan mereka.

(v) Bantuan Bakul Makanan

- a. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program penyampaian bakul makanan. Ia merupakan satu inisiatif prihatin Kerajaan bertujuan untuk memastikan rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang

pandemik COVID-19 dibantu bagi memastikan rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

- b. Sejumlah RM106.8 juta telah dibelanjakan sepanjang bulan Mac 2020 hingga Julai 2021 yang mana RM34.6 juta menggunakan Tabung COVID-19 manakala RM72.2 juta menggunakan peruntukan Kementerian Kewangan. Nilai bakul bagi agihan Fasa 1 iaitu pada Mac 2020 adalah berjumlah RM50 manakala nilai bakul bagi Fasa 2 dan seterusnya telah dinaikkan kepada RM100 dan sehingga kini telah memberi manfaat kepada 1,121,385 Ketua Isi Rumah (KIR).

(vi) Penyediaan Peluang Pekerjaan dan Penjana Pendapatan Melalui Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA

Selain itu, wanita daripada kategori B40 dan Ibu Tunggal juga berpeluang untuk menjana pendapatan dan menceburi bidang asuhan dan jagaan kerana Institut Sosial Malaysia turut menawarkan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA secara **percuma**. Pada tahun 2020, seramai 180 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut dan program ini turut diadakan pada tahun 2021.

(vii) Penyediaan Peluang Pekerjaan dan Penjana Pendapatan Dalam Industri Penjagaan Postnatal (Ibu Selepas Bersalin)

- a. KPWKM sedang berusaha untuk memperbaiki taraf ekonomi serta kualiti kehidupan wanita pelbagai kategori (termasuk ibu tunggal) dan dalam rangka membangunkan Industri Penjagaan Ibu Bersalin yang lebih komprehensif dan kompetitif. **Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare** merupakan satu Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Tradisional Melayu yang dipermodenkan.
- b. Ianya satu Inovasi Sosial yang diperkenalkan oleh KPWKM melalui agensinya iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah berjaya mewujudkan profesion pekerjaan iaitu Pengamal Mamacare dimana seramai **1,431 telah dilatih** di seluruh negara sejak mula diperkenalkan pada tahun 2012.

- c. Program ini bukan sahaja telah melahirkan “golongan pekerja” malah **telah membuka peluang perniagaan dan usahawan dalam bidang SPA, perniagaan bahan dan keperluan penjagaan ibu selepas bersalin, bayi dan kecantikan. Sebanyak 272 Pengamal Mamacare yang memberi perkhidmatan melalui kedai SPA dan 895 Pengamal Mamacare melalui perkhidmatan secara Mobile SPA.**

Sekian, terima kasih.